

04 AUG 2003

Nik Aziz-Air

K'JAAN PUSAT PERLU BANTU K'JAAN NEGERI: NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 4 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini berkata sebarang cadangan kerajaan Pusat untuk menghentikan bantuan kepada kerajaan-kerajaan negeri adalah bertentangan dengan semangat persekutuan.

Katanya, sikap kerajaan pusat yang enggan membantu mana-mana kerajaan negeri termasuk dalam isu masalah air adalah sama sekali bertentangan dengan semangat persekutuan negara ini.

"Ada pusat, ada negeri...dan apa yang kita minta itu adalah pinjaman dan bukannya geran dan hutang...yang nanti akan dibayar," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam meminta Nik Aziz dan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang supaya dapat menerima hakikat bahawa Kelantan dan Terengganu yang dipimpin PAS sebenarnya tidak mampu menguruskan bekalan air bersih kepada rakyat, dan sewajarnya kerajaan pusat mengambil alih pengurusan bekalan air negeri itu termasuk di negeri-negeri lain.

Dr Mahathir berkata ini kerana kedua-dua negeri yang diperintah pembangkang tidak mempunyai wang yang cukup malah menghadapi lebih banyak masalah daripada negeri lain.

Perdana Menteri berkata Kelantan dan Terengganu tidak boleh terus mengharapkan bantuan kerajaan pusat seperti bantuan kewangan sebanyak RM600 juta kepada Kelantan sebelum ini bagi meningkatkan bekalan air bersihnya.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am PAS sementara itu mengakui bahawa setiap kerajaan negeri perlu mendengar nasihat dan arahan oleh kerajaan pusat tetapi kerajaan pusat juga perlu memahami keadaan di peringkat negeri.

"Lima tahun lagi untuk kerajaan Kelantan mula membayar hutang (projek bekalan air negeri) itu. Macam mana kita nak kata ia (projek itu) sudah berjaya atau tidak. Sepatutnya (kerajaan pusat) tengok dulu...jangan gaduh-gaduh," katanya.

Nik Aziz berkata kerajaan Kelantan baru membelanjakan kira-kira RM300 juta daripada keseluruhan pinjaman itu dan setakat ini bekalan air kepada rakyat bekalan air telah menunjukkan peningkatan di bawah Syarikat Air Kelantan Sdn Bhd

-- syarikat yang bertanggungjawab mengendalikan bekalan air negeri itu sejak beberapa tahun lepas.

Nik Aziz berkata usaha mempertingkatkan mutu bekalan air bersih kepada rakyat Kelantan sedang dibuat secara berterusan termasuk membina lebih banyak loji penapisan air seperti di Chica dekat Pasir Puteh serta di Machang.

Secara berseloroh beliau berkata sepatutnya kerajaan pusat wajar memberikan ganjaran atau hadiah kepada mana-mana negeri yang mampu menguruskan air dengan baik sebagai menandakan pegawai kerajaan negeri telah melaksanakan tugas dengan cemerlang demi rakyat.

Menteri Besar itu juga berkata jika kerajaan negeri mampu menguruskan air dengan baik, bantuan kerajaan persekutuan mungkin tidak lagi perlu kerana bank-bank tempatan boleh memberikan bantuan.

"Saya pun tak faham kenapa nak kecoh-kecoh perkara ni...mungkin dah dekat pilihan raya agaknya," katanya.

-- BERNAMA

ZI RAR MOZ

